

SULIT



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2008  
TINGKATAN EMPAT  
EKONOMI ASAS**

**3757/2**

**Kertas 2  
Oktober  
2 jam**

**Dua jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
3. *Tulis jawapan anda dalam kertas jawapan yang dibekalkan oleh Pengawas peperiksaan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
7. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

**[Lihat sebelah]  
SULIT**



3757/2 © 2008 Hak Cipta JPN Terengganu

## BAHAGIAN A

1. a) Berikut adalah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan sebuah negara.

Kerajaan telah menangguhkan projek pembinaan landasan keretapi berkembar yang menelan belanja RM 1.5 bilion ringgit untuk memberi tumpuan kepada membina rumah kebajikan.

Merujuk kepada konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas, bagaimanakah keputusan tersebut diambil? (5 markah)



Rajah 1

Berdasarkan rajah 1 di atas terangkan perbezaan yang wujud antara kedua-kedua barang tersebut dari segi ekonomi.

(8 markah)

- c) Berikut adalah maklumat tentang Negara X dan Negara Y di rajah 2.

NEGARA X	NEGARA Y
Kerajaan <b>tidak campur tangan</b> dalam membuat keputusan ekonomi.	Kerajaan <b>berkuasa penuh</b> dalam membuat keputusan ekonomi

Rajah 2

- (i) Namakan sistem ekonomi Negara X dan Negara Y (2 markah)
- (ii) Bezakan ciri-ciri sistem ekonomi tersebut. (10 markah)


2. a). Jadual 1 di bawah menunjukkan maklumat bagi tiga jenis barang yang diminta oleh seorang individu

Barang	Peratus perubahan kuantiti diminta	Peratus perubahan harga
P	6	2
Q	5	5
R	4	8

Jadual 1

Berdasarkan maklumat di atas,

- (i) Hitungkan nilai keanjalan harga permintaan bagi setiap jenis barang tersebut. (6 markah)
- (ii) Terangkan keanjalan harga permintaan yang diperolehi (9 markah)
- b) Rajah 3 di bawah menunjukkan keluk penawaran baju sukan keluaran terbaru jenama "ADIKDAS" pada tahun 2008



Rajah 3

Terangkan faktor-faktor yang menyebabkan keluk penawaran SoSo berpindah ke keluk penawaran S1S1 (10 markah)

- a) i) Apakah yang dimaksudkan dengan belanjawan peribadi. (2 markah)
- ii) Jelaskan mengapa belanjawan peribadi itu penting kepada individu? (8 markah)

$$S = Y_d - C$$

$Y_d$  – Pendapatan bolehguna  
 $C$  - Penggunaan/Perbelanjaan

- i) Berdasarkan persamaan di atas, apakah S? (1 markah)
- ii) Nyatakan tujuan S di atas? (6 markah)

Jadual 2 di bawah menunjukkan permintaan ke atas barang K pada tahun 2006 dan 2007

Tahun 2006		Tahun 2007	
Harga seunit (RM)	Kuantiti (unit)	Harga seunit (RM)	Kuantiti (unit)
3.75	55 000	3.20	80 000

Jadual 2

Selain daripada faktor yang terdapat di dalam jadual 2 di atas, terangkan mengapa permintaan ke atas barang K pada tahun 2007 sedemikian

(8 markah)

4. a) En. Fadhli merupakan seorang graduan lulusan daripada Universiti Oxford, London dalam bidang Pemasaran. Beliau yang berasal dari Johor Bahru sedang meneliti dua iklan jawatan kosong di sebuah akhbar tempatan baru-baru ini.

Iklan A	Iklan B
<p>Jawatan : Pegawai Pemasaran</p> <p>Kelayakan : Sarjana Muda Pemasaran atau yang setaraf dengannya</p> <p>Gaji permulaan: RM 2 450.00</p> <p>Kemudahan yang akan diterima:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rawatan perubatan untuk diri sendiri, anak dan ibu bapa</li> <li>2. Pinjaman perumahan dan kereta dengan kadar faedah 2.4%</li> <li>3. Elaun tahunan dan elaun lebih masa bekerja</li> </ol> <p>Peluang dibuka kepada semua yang layak dan mereka yang mempunyai pengalaman bekerja serta mahir berbahasa Inggeris diberi keutamaan. Walaubagaimana pun latihan kerja akan diberi selama sebulan jika terpilih.</p> <p>Jika berminat, sila hantarkan biodata dan surat permohonan anda ke alamat di bawah:</p> <p>Bahagian Pengambilan dan Latihan Universiti Tun Hussin Onn Jalan Syed Putera Off Jalan Mahameru 45100 Larkin, Johor Bahru</p>	<p>Jawatan : Pengurus Penyiaran</p> <p>Kelayakan : Sarjana Muda Penyiaran atau Sarjana Muda Multimedia</p> <p>Gaji permulaan: RM 3 500.00 tidak termasuk elaun</p> <p>Kemudahan: Rawatan perubatan percuma sehingga RM 1 000 sebulan, kemudahan pinjaman perumahan dan kereta. Seorang pemandu akan disediakan. Elaun telefon sehingga RM 800 sebulan</p> <p>Keutamaan diberi kepada mereka yang mempunyai pengalaman kerja dalam bidang ini sekurang-kurangnya 3 tahun. Pernah mengendalikan stesen radio dan mahir bertutur dalam bahasa Melayu.</p> <p>Sila hantar biodata berserta gambar berukuran passport sebelum 25 Ogos 2008 kepada:</p> <p>Pengurus Perjawatan Radio Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM) Langgak Tengku Off Jalan Datuk 51400 Kuala Lumpur</p>

Setelah meneliti dan membaca iklan tersebut, En Fadhli telah memilih untuk bekerja di Universiti Tun Hussin Onn.

Mengapakah En Fadhli memilih untuk bekerja di situ

(10 markah)

- b) Jadual 3 di bawah menunjukkan kuantiti di minta bagi barang X di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	
	Encik Khalid	Puan Hasnah
5	8	7
10	6	5
15	3	3
20	2	1

Jadual 3

- i) Hitungkan permintaan pasaran bagi setiap harga yang dinyatakan. (2 markah)
- ii) Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan pembentukan keluk permintaan pasaran (8 markah)
- iii) Terangkan keluk permintaan pasaran tersebut (5 markah)

5. a) Jadual 4 di bawah menunjukkan pengeluaran jangka pendek sebuah firma

Tanah (hektar)	Bil Buruh	Jumlah keluaran (unit)	Keluaran Purata (unit)	Keluaran Sut (unit)
30	0	0	-	-
30	2	5	2.5	<i>D</i>
30	4	11	<i>A</i>	3
30	6	18	3	<i>E</i>
30	8	24	<i>B</i>	3
30	10	24	2.4	<i>F</i>
30	12	22	<i>C</i>	-1

Jadual 4

- i) Hitungkan nilai *A*, *B*, *C*, *D*, *E* dan *F* (3 markah)
- ii) Huraikan hubungan antara input berubah dengan jumlah keluaran, keluaran purata dan keluaran sut. (8 markah)

- b). Terangkan kesan peristiwa berikut ke atas pasaran getah asli (setiap peristiwa adalah berasingan)
- i). Kejatuhan harga getah tiruan di pasaran antarabangsa (3 markah)
- ii). Pokok-pokok getah tua ditebang untuk diganti dengan tanaman kelapa sawit (3 markah)
- c). Berikut adalah butiran penyata kewangan En. Amran

<b>Pendapatan dan perbelanjaan sebulan</b>	
Elaun khidmat awam	RM 240.00
Elaun perumahan	RM 210.00
Gaji	RM 2 600.00
Bayaran premium insuran nyawa	RM 160.00
Ansuran rumah	RM 600.00
<b>Pelapasan cukai yang dibenarkan</b>	
1. Diri sendiri	RM 10 000
2. Isteri	RM 8 000
3. Anak	RM 1 000 seorang
4. Caruman KWSP dan premium insuran	RM 5 000 (maksimum)
5. Rawatan ibu bapa	RM 5 000 (maksimum)
<b>Kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan</b>	
RM 2 500 pertama	0%
RM 2 500 berikutnya	1%
RM 5 000 berikutnya	3%
RM 10 000 berikutnya	5%

En. Amran berusia 37 tahun mempunyai seorang isteri yang menjadi suri rumah sepenuh masa dan 3 orang anak yang berada di sekolah rendah. Sebagai seorang pekerja beliau mencarun ke dalam KWSP sebanyak 11% daripada pendapatannya dan membayar zakat sebanyak RM 150.

- i) Hitungkan cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh En. Amran (6 markah)
- ii) Hitungkan pendapatan boleh guna En. Amran pada tahun tersebut (2 markah)

## BAHAGIAN B

6. *Soalan wajib*

Isu produk makanan halal begitu hangat diperkatakan. Keadaan ini menyebabkan pengguna begitu berhati-hati dalam pemilihan produk makanan. Encik Zharif yang mengusahakan **Perusahaan Roti Zary**, merupakan pengusaha bumiputera yang berjaya menggunakan teknologi moden dan pekerja tempatan telah memasarkan roti jenama **Zary** di sekitar Kuala Berang, Setiu dan Kuala Terengganu.

Ekoran daripada isu makanan halal tersebut, keluaran Roti Zary yang beroperasi di Kuala Berang telah meningkat pengeluarannya. Dengan mengekalkan harga sebanyak RM2.80 sebungkus, permintaan meningkat tiga kali ganda dalam tempoh tiga bulan. Beliau telah menambah bilangan pekerja dengan mengambil 13 orang pekerja baru. Di samping itu, beliau juga menambah penggunaan bahan mentah seperti tepung gandum, gula, dan sebagainya.

Roti Zary juga mendapat permintaan yang tinggi dari daerah-daerah lain. Permintaan yang tinggi menyebabkan Encik Zharif membuat keputusan untuk membuka cawangan baru di daerah Dungun. Bagi memenuhi tujuan tersebut, beliau bercadang untuk membuat pinjaman daripada Bank Muamalat Berhad sebanyak RM200,000. Jika cawangan Perusahaan Roti Zary berjaya di buka di Dungun, ia dijangka memberi peluang pekerjaan kepada 25 orang penduduk di sekitar Dungun.

Hasil daripada keuntungan itu digunakan untuk membayar balik pinjaman yang dibuat dan dan selebihnya di simpan untuk tujuan awasan dan pelaburan

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:-

- a)
  - i. Tentukan jenis-jenis input yang digunakan [2]
  - ii Terangkan setiap jenis input tersebut [4]
- b) Apakah masalah asas yang telah diselesaikan oleh pengusaha tersebut? [6]
- c) Cadangkan tiga sumber pinjaman lain yang boleh diperolehi oleh Encik Zharif [6]
- d) Huraikan bentuk-bentuk pelaburan yang boleh di buat oleh beliau untuk mengembangkan perusahaannya [7]

KERTAS SOALAN TAMAT